

Untuk tujuan pelaksanaan kerja-kerja pembaikan premis institusi pendidikan di Negeri Sarawak, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperuntukkan sejumlah RM88 juta pada tahun 2015 dan RM4.3 juta sehingga Februari 2016. Manakala bagi meningkatkan kualiti pelaksanaan dan pemantauan projek, KPM telah mewakilkan kuasa kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak untuk bertindak sebagai Pegawai Penguasa bagi projek-projek pembangunan infrastruktur yang bernilai RM 5 juta ke bawah seperti surat bertarikh 9 April 2014.

- (b) Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) bukan menggantikan Penilaian Menengah Rendah (PMR). PMR digantikan dengan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). PT3 adalah komponen pentaksiran pusat dalam PBS. Di akhir Tingkatan 3, murid akan menerima pelaporan Pentaksiran Sekolah, pelaporan Pentaksiran Psikometrik, pelaporan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum dan pelaporan Pentaksiran Tingkatan 3. PT3 ditadbir oleh sekolah berdasarkan instrumen dan panduan penskoran yang setara (*standardised*) yang disediakan oleh KPM. PT3 mula dilaksanakan pada tahun 2014.

Struktur soalan PT3 berbentuk subjektif iaitu respon terbuka dan respon tertutup, berbeza dengan soalan PMR yang berbentuk objektif aneka pilihan. Struktur soalan dalam PT3 memerlukan murid untuk menguasai kemahiran berfikir secara kritis dan benar-benar memahami kandungan sukatan pelajaran apabila menjawab soalan

peperiksaan. Persembahan soalan yang pelbagai memberi ruang dan peluang kepada calon untuk berfikir dan mengeluarkan idea yang bernas, sejajar dengan arus perkembangan abad ke 21. Masyarakat tidak seharusnya bertumpu kepada keupayaan penghafalan dan keupayaan mengingat fakta tetapi perlu menumpu kepada pembangunan kemahiran kognitif untuk berfikir secara kritis dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan yang relevan dengan kehidupan harian.

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) melaksanakan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dalam bidang Sains melalui mod sepenuh masa untuk pelajar lepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan mod pendidikan jarak jauh (PJJ) untuk guru dalam perkhidmatan di bawah Program Pensiswazahan Guru. Selain itu, IPGM juga memberi latihan ikhtisas kepada pelajar-pelajar lepasan Ijazah dalam bidang pengkhususan Sains, Biologi, Fizik dan Kimia untuk ditempatkan di sekolah menengah dan sekolah rendah.

Bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran guru sains di sekolah rendah dan menengah, KPM telah melaksanakan Kursus Amali Sains kepada 6,700 guru Kimia/Fizik/Biologi berdasarkan *Inquiry Based* dan seramai 7,786 guru sains juga telah diberi latihan Pemantapan Pedagogi Sains pada tahun 2015. Dalam RMKe-10 yang lepas, KPM telah memberi peluang dengan tajaan penuh kepada guru bukan siswazah yang sedang berkhidmat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam pelbagai bidang mata pelajaran melalui Program Pensiswazahan

Guru (PPG). Seramai 3,964 orang adalah guru yang mengambil opsyen sains dan mereka ini bergraduat mulai tahun 2014 hingga 2017.